KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSA MINGGUAN			
TARIKH	:	27.02.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JPN PAHANG			

TNB Bantu Pelajar B40 dengan Dermasiswa MyBF

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan komitmen membiayai pelajar dari keluarga berpendapatan terendah untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian menerusi tajaan 1,760 lagi Dermasiswa My Brighter Future (MyBF) bagi tahun 2021.

Ia adalah komitmen berterusan syarikat utiliti nasional itu dalam suasana sukar susulan pandemik COVID-19 bagi menyokong usaha meningkatkan kemahiran modal insan.

Penyerahan MyBF melalui Yayasan Tenaga Nasional (YTN) kepada para pelajar bagi sesi pengambilan 2021 telah disempurnakan oleh Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin di Kuala Lumpur.

Hasan berkata, sejak MyBF diperkenalkan pada 2018, lebih 6,800 orang pelajar dari golongan B40 menikmati pembiayaan pengajian masing-masing meliputi yuran pengajian, penginapan, elaun sara hidup dan sebagainya sehingga tamat pengajian.

Selain MyBF, katanya, TNB melalui YTN yang ditubuhkan pada 1993, turut meneruskan komitmen pemberian biasiswa dan pinjaman boleh ubah kepada para pelajar pengajian tinggi.

Katanya, sehingga kini, lebih 20,000 pelajar menerima manfaat daripada seluruh program bantuan pendidikan dengan anggaran tajaan melebihi RM1.3 bilion.

"Sebagai warga korporat prihatin, TNB mencurahkan bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan pendidikan. Penawaran Dermasiswa MyBF adalah strategi serampang dua mata iaitu mencipta akses pendidikan tinggi kepada golongan yang tidak berkemampuan sekali gus membasmi masalah kemiskinan.

"Membangunkan modal insan negara melalui penyediaan peluang pendidikan adalah satu daripada inisiatif tanggungjawab korporat TNB, selain daripada program-program berkaitan sosio-ekonomi, alam sekitar dan sukan," katanya.

Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din dan Pengarah YTN, Datuk' Ir. Dr. Ibrahim Hussein.

TNB memperuntukkan RM49 juta bagi membiayai pengajian pelajar MyBF pengambilan 2021 di lebih 45 institusi pengajian di seluruh Malaysia dalam bidang berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menurut Hasan, Dermasiswa MyBF dikhaskan kepada para pelajar daripada keluarga B40 tanpa sebarang ikatan atau pun bayaran balik.

"Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan pangkalan data Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Unit Pusat Universiti (UPU), keutamaan pada pelajar yang berdaftar dengan Sistem e-Kasih. Yang mana, padanan data telah dibuat oleh Unit UPU dan pelajar tidak perlu membuat sebarang permohonan dan melalui proses temuduga.

"Surat Tawaran MyBF dikeluarkan bersekali dengan Surat Tawaran ke IPTA oleh institusi masing-masing bagi memastikan isu kewangan bukan masalah utama pelajar untuk memulakan pengajian.

"Inisiatif TNB ini diharap bukan sahaja dapat meringankan beban keluarga berpendapatan terendah bagi menampung kos pengajian, malah kemudiannya membolehkan anak-anak mereka membangunkan kerjaya yang lebih baik demi masa depan diri dan keluarga serta masyarakat," katanya.

Daripada segi pencapaian pelajar, 33.4 peratus pelajar MyBF berjaya mendapat CGPA 3.50 dan ke atas pada semester dua tahun pengajian 2020/2021 dan analisa pencapaian akademik mendapati purata keseluruhan pelajar yang berjaya mencapai tahap CGPA 3.00 ke atas adalah melebihi 75 peratus.

Program MyBF bukan sahaja memberi bantuan dalam bentuk kewangan tetapi juga membangunkan kompetensi pelajar bersama-sama nilai dan budaya murni yang mementingkan kesejahteraan sejagat termasuk dalam aspek penjagaan alam sekitar.

Sebagai simboliknya, TNB turut mengadakan acara menanam pokok bersama pelajar di majlis penyerahan MyBF itu dalam usaha menerapkan nilai kelestarian dalam budaya kehidupan generasi masa depan. Ia sering inisiatif Hala Tuju Kelestarian TNB dengan sasaran pelepasan sifar bersih yang menyumbang kepada usaha menangani perubahan iklim.



HASAN Arifin (tengah), Ir. Baharin Din (dua, kiri) dan Ir. Ibrahim Hussein (dua, kanan) menanam pokok bersama tiga orang pelajar penerima MyBF sebagai simbolik kepada usaha menerapkan nilai kelestarian dalam budaya kehidupan generasi akan datang di Majlis Penyerahan Dermasiswa MyBF TNB 2021 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



> **Sejak MyBF diperkenalkan 2018, lebih 6,800 pelajar dari golongan B40 menikmati pembiayaan pengajian masing-masing..."**
>
> **HASAN ARIFIN**



SAYA bersyukur sangat dapat MyBF sebab dengan adanya peluang ini saya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. MyBF sangat membantu kerana dapatlah saya menyara hidup saya sepanjang bergelar seorang pelajar. Mengikut perjanjian, MyBF ini tidak perlu dibayar balik.

MUHAMMAD FADHLI ABD. RASHID
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, UTEM



PROGRAM MyBF sangat membantu kerana sekarang saya boleh fokus kepada pelajaran dengan lebih mudah. Ini kerana isu kewangan tidak lagi mengganggu pembelajaran saya. Cita-cita saya adalah untuk menjadi seorang Computer Engineer. Terima kasih TNB kerana telah memilih saya."

MATANKUMAR SARAWANAN
Pelajar Kejuruteraan Elektrik (Komputer), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin



SAYA bersyukur sangat apabila dapat tahu yang anak saya adalah salah seorang yang dapat Dermasiswa MyBF ini. Saya harap dia dapat menggunakan peluang ini dengan lebih baik untuk mencapai impian dia untuk berjaya dengan cemerlang. Kalau tak dapat MyBF ini kita akan cuba jugalah usaha cara lain supaya dia dapat belajar ke peringkat yang lebih tinggi."

NORAISYAH SHAWALUDDIN,
Suri rumah



SAYA seorang suri rumah dan suami saya pemandu lori. Kami ada 3 orang anak. Pada masa pandemik ini kami sangat terkesan, tambahan pula suami saya saja yang bekerja. Bila dapat tahu anak kami berjaya terima Dermasiswa MyBF, kami sangat sangat gembira.

MAGESWARI MURUGAN
Suri rumah